



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website : www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: DATO' Sr ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM
DIMP, KMN, AMN, AMT, PJC, FRISM
Pendaftar: Sr ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM
KMN, AMP, FRISM
Setiausaha: Sr ROZNITA BINTI OTHMAN, MRISM

(100)dlm.KKR/LJBM/702(2) Jld.45- 11/10/886
7 Oktober 2011

YBhg Datuk / Dato' /Datin/Tuan/Puan,

PEMBAHARUAN PENDAFTARAN JURUUKUR BAHAN SISWAZAH BERDAFTAR BAGI TAHUN 2012

Adalah dimaklumkan bahawa pendaftaran tuan sebagai Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) akan tamat pada 31.12.2011 dan dikehendaki untuk diperbaharui bagi tahun 2012.

2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan peruntukan Fasal 22(1) Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (pindaan) 2004 tuan adalah diingatkan untuk mengemukakan permohonan pembaharuan tersebut sebelum **31.01.2012**. Sila ambil perhatian bahawa semua permohonan pembaharuan pendaftaran hanya akan dipertimbangkan setelah tuan memenuhi prosedur berikut :

(i) Melengkapkan permohonan secara '**online**' melalui aplikasi ReQSys di laman web LJBM, <http://bqsm.gov.my:81/reqsys/public/user/login.php>.

(ii) Mempunyai mata kredit CPD yang diperlukan sebagai syarat pembaharuan pendaftaran seperti berikut :

Bil	Kategori	Mata Kredit CPD
1	Semua Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar	5 poin
2	Jika menetap di luar negara / tidak bekerja	2 poin
3	Jika berumur 60 tahun ke atas	Dikecualikan

(iii) Mengemukakan Lampiran A/2012/MP yang telah dilengkapkan ke pejabat LJBM bersama-sama dokumen berikut :

- Bayaran / bukti bayaran pembaharuan pendaftaran melalui cek/ wang pos / kiriman wang / bank draf / perbankan internet sebanyak RM50.00, dan
- Salinan sijil kehadiran program CPD sebagai bukti tuan telah memenuhi keperluan pembaharuan CPD.

Sila pastikan tuan telah melengkapkan deklarasi di dalam Lampiran A/2012/MP iaitu tuan telah memenuhi keperluan CPD sebelum permohonan pembaharuan dikemukakan. Sebarang percanggahan terhadap deklarasi tersebut boleh menyebabkan tindakan tegas diambil dan pendaftaran tuan akan ditarik semula tanpa pemulangan bayaran pembaharuan.

Sila ambil perhatian bahawa mana-mana permohonan yang masih tidak mematuhi prosedur pembaharuan sehingga tarikh 31.01.2012 akan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga LJBK pada bulan Februari/Mac untuk tindakan pembatalan dan akan dikenakan kos pentadbiran sebanyak RM25.00. Pendaftaran yang dibatalkan boleh diaktifkan semula dengan membuat permohonan memasukan semula seperti yang dijelaskan dalam perkara 5 di bawah.

3. Sebagai ganjaran, permohonan pembaharuan yang lengkap diterima pada atau sebelum 31.12.2011, **satu bawcer diskaun CPD yang bernilai RM25.00** akan diberikan dengan terma berikut :

- (i) Tempoh sah laku bawcer ini adalah satu tahun iaitu dari 1.1.2012 hingga 31.12.2012
- (ii) Tidak boleh dipindahmilik, dan
- (iii) Hanya boleh digunakan bagi program-program CPD anjuran LJBK sahaja.

4. Sekiranya tuan gagal memperbaharui pendaftaran dengan LJBK dalam tempoh yang ditetapkan, pendaftaran tuan akan dibatalkan secara automatik berkuatkuasa 01.02.2012 dan tindakan akan diambil untuk mengeluarkan nama tuan dari Daftar LJBK.

Merujuk kepada peruntukan Seksyen 8, Akta Juruukur Bahan 1967, adalah menjadi kesalahan jika tuan terus menjalankan amalan ukur bahan atau memberi perkhidmatan sebagai seorang Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar.

5. Untuk permohonan memasukan semula pendaftaran bagi tahun 2012, tuan dikehendaki memenuhi semua prosedur pembaharuan pendaftaran seperti di atas dan mengemukakan bayaran memasukan semula berdasarkan Kaedah 23(B), Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (pindaan) 2004 seperti berikut :

i) Fee pembaharuan 2012	- RM 50.00
ii) Fee pendaftaran semula	- RM 50.00
iii) Fee pentadbiran (tidak akan dikembalikan)	- <u>RM 50.00</u>
Jumlah yang perlu dibayar	- <u>RM150.00</u>

Tuan adalah diingatkan bahawa mengikut peruntukan Seksyen 17 (2) Akta Juruukur Bahan 1967 pembatalan pendaftaran yang melebihi tempoh 3 tahun tidak boleh dipulihkan semula dan tuan dikehendaki mengemukakan permohonan pendaftaran yang baru tertakluk kepada syarat-syarat pendaftaran yang terkini.

6. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

- i) Pembaharuan pendaftaran : Pn Afza (03-26967803/afza@bqsm.gov.my) /
Cik Afifah (03-26968142/afifah@bqsm.gov.my)
- ii) Sistem Pembaharuan "online" (ReQSyS): Cik Nur Hafizah / En Yanto (03-26968147 /
fizah@bqsm.gov.my/ info@bqsm.gov.my)
- iii) Bayaran Pembaharuan : Pn Azila (03-26968142/azila@bqsm.gov.my)

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Dengan Perintah Lembaga,



Sr Abd Shukor Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
PEMBAHARUAN PENDAFTARAN BAGI TAHUN 2012
JURUUKUR BAHAN SISWAZAH BERDAFTAR**

Langkah-Langkah	Huraian	Tandakan √ jika tindakan telah diambil
<p>1</p> <p>Buat bayaran pembaharuan pendaftaran</p> <p>Isi maklumat di bawah:</p> <p>Amaun: RM <input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/></p> <p>No. resit internet banking/ cek/ wang pos/ kiriman wang/ bank draft: <input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/><input type="text"/></p> <p>Bukti pembayaran MESTI dilampirkan bagi semua kaedah pembayaran untuk rujukan bahagian akaun.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran pembaharuan pendaftaran = RM50.00 • Tambahan RM15.00 untuk perkhidmatan penghantaran sijil melalui kourier. • Wang tunai tidak diterima bagi pembaharuan pendaftaran. <p><u>Cara Bayaran:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Internet Banking - CIMB Clicks/ CIMB Bizz Channel (pengguna CIMB Bank); (www.cimbbank.com.my) 2. Internet Banking Giro (IBG) - (pengguna Maybank, RHB Bank, Hong Leong Bank, Public Bank & Bank Islam); 3. Cek berpaling/ wang pos / kiriman wang/ bank draft di atas nama "Lembaga Juruukur Bahan Malaysia" (tambahan 50 sen komisyen bagi cek luar kawasan); <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Rujuk laman web LJBM untuk panduan membuat pembayaran secara online (CIMB Clicks/ CIMB Bizz Channel). 	<input type="checkbox"/>
<p>2</p> <p>a) Sediakan salinan sijil kehadiran program CPD sepanjang tahun 2011</p>	<p><u>Keperluan CPD:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 5 poin kredit CPD <u>atau</u> • 2 poin kredit CPD jika menetap dan bekerja di luar negara <u>atau</u> • Dikecualikan jika berumur 60 tahun dan ke atas 	<input type="checkbox"/>
<p>b) Deklarasi mengenai keperluan CPD</p>	<p>Saya * No K/P* yang bertandatangan di bawah dengan ini mengisytiharkan bahawa saya telah memenuhi keperluan CPD bagi mencukupkan syarat keperluan pembaharuan saya sebagai Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar seperti di atas.</p> <p>..... Tarikh :</p> <p>(.....)</p> <p>No Pendaftaran LJBM :</p> <p>* Sila isikan tempat kosong</p>	<input type="checkbox"/>
<p>3</p> <p>Perbaharui pendaftaran secara online</p>	<p>URL: http://bqsm.gov.my:81/reqsys/public/user/login.php</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Nombor rujukan bayaran diperlukan semasa permohonan pembaharuan dibuat.</i> • <i>Rujuk panduan membuat pembaharuan pendaftaran secara online di laman web LJBM</i> 	<input type="checkbox"/>

4	Hantar dokumen ke pejabat LJBM	<u>Senarai dokumen:</u> (i) Lampiran A/2012/MP yang telah lengkap diisi dan bertanda ✓ (ii) Bayaran pembaharuan/ resit Internet Banking dan bayaran kurier (jika ada); (iii) Salinan sijil kehadiran program CPD sepanjang tahun 2011. Alamatkan ke pejabat LJBM: Pendaftar Lembaga Juruukur Bahan Malaysia Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR Jalan Sultan Salahuddin 50582 Kuala Lumpur Tel : 03-26967803/8142 Faks: 03-26925680	<input type="checkbox"/>
---	---------------------------------------	---	--------------------------

Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan seperti di atas dan semua dokumen sokongan yang disertakan bersama-sama borang ini adalah benar. Saya juga mengetahui bahawa sekiranya ada mana-mana bahagian di dalam borang permohonan ini dan dokumen sokongan yang disertakan tidak benar, tindakan undang-undang berdasarkan Akta Juruukur Bahan 1967 boleh dikenakan terhadap saya.

Tandatangan :

Tarikh :

Nama :

No. Pendaftaran :